



## MENYEDIA SOKONGAN

Sokong anak pokok dengan pancang kayu untuk mengelakkan pokok tumbang.



## SUNGKUPAN

### Di Ladang

Gunakan rumput-rumput kering atau pelepah kelapa sebagai sungkupan.

### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Gunakan rumput-rumput kering.



## MERUMPUT

Bersihkan batas daripada rumpai dengan menggunakan tanah, cangkul atau tajak, Bagi tanaman dalam pasu cabut rumpai untuk mengawalinya.



## MEMUNGUT HASIL

Cili api boleh dipetik 3-4 bulan selepas ditanam. Satu pokok boleh mengeluarkan sebanyak 500 g buah cili api untuk tempoh selama 8-9 bulan



## KAWALAN SERANGGA DAN PENYAKIT

Sembur racun serangga dan kulat jika perlu.

Penyakit	Kawalan
Bintik daun	Sembur racun kulat benomyl
Antraknos buah	Sembur racun kulat seperti mancozeb
Kutu daun	Sembur racun chlorpyrifos imidacloprid
Hamama merah	Sembur racun seperti dicofol atau malathion
Kerekot daun dan mozek daun	(a) Penyakit ini disebar oleh kutu daun. Oleh itu kawalan kutu daun adalah penting. (b) Buang dan bakar pokok yang berpenyakit.
Layu pokok (Layu Bakteria)	Tiada kawalan kimia yang berkesan. Buang dan bakar pokok yang berpenyakit. Tentukan saliran yang elok.


### IBU PEJABAT

Jabatan Pertanian Malaysia  
Aras 7-17, Wisma Tani, Block 4G2, Presint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62632 PUTRAJAYA.

Tel: 03-8870 3000  
Fax: 03-8870 3376  
Laman Web: <http://www.doa.gov.my>

## PANDUAN MENANAM

# CILI API



# PANDUAN MENANAM CILI API



## PENANAMAN

### Penyediaan Tanah

#### Di Ladang


Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15 hingga 22 cm (6-19 inci). Sediakan batas berukuran 1.2 m (4 kaki) lebar dan 22 hingga 30 cm (9-12 inci) tinggi. Panjang batas mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 45cm (1.5 kaki). Gaulkan tahi ayam reput sebanyak 25 kg bagi 50 meter persegi (500 kaki persegi) kawasan.



## PENANAMAN



### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Gunakan tanah campuran mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput atau kompos dan 1 bahagian pasir. Isikan pasu dengan tanah campuran tersebut sehingga 5 cm (2 inci) dari permukaan pasu.



## MENYEDIA ANAK BENIH

Bagi tanaman di ladang, sediakan kotak semai berukuran 45cm (18 inci) panjang, 22cm (9inci) lebar dan 10 cm (4inci) tinggi. Isikan kotak semai dengan tanah campuran mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput dan 1 bahagian pasir. Semai 5 g biji benih ke dalam kotak semai secara barisan dan tutup benih dengan lapisan nipis tanah. Jarak tanaman ialah 5 cm (2inci) antara baris dan 2 cm (1inci) antara pokok. Siram dengan penyiram yang mempunyai semburan halus dua kali sehari. Kotak semai mesti dilindungi daripada cahaya matahari dan air hujan yang berlebihan. Ubah anak benih ke ladang 6 minggu selepas disemai. Sebelum diubah ke ladang, dedahkan anak benih kepada cahaya matahari selama 3 hingga 4 hari untuk mengeraskannya.



## PENANAMAN

### Di Ladang

Anak benih yang berumur 6 minggu boleh diubah terus ke batas. Sebelum mencabut, basahkan kotak semai supaya anak benih senang digali. Kemudian, gali anak benih dengan segumpul tanah dan tanam terus ke batas. Jarak tanaman ialah 100 (40 inci) antara pokok dan 150 cm (60inci) antara baris

### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Semai terus 3 atau 4 biji benih ke dalam pasu sedalam 2 hingga 5 cm (1 inci). Tinggalkan hanya sepokok setiap pasu 2 minggu selepas menanam.



## PENJAGAAN

### Menyiram

Siram pokok pada awal pagi dan lewat petang setiap hari kecuali hari hujan.

### Membaja

### Di Ladang

Tabur baja NPK Blue Special (12:12:17:2) di keliling pokok dengan kadar 1 sudu besar atau 10 g sepokok setiap dua minggu.

### Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain

Tabur sebanyak 1 sudu the atau 5 g baja NPK Blue Special (12:12:17:2) sepasu di keliling pokok setiap minggu.